

Publication: **Harian Metro (Bisnes, pg. 31)**

Date: **20<sup>th</sup> May, 2019**

Headline: **Target 10,000 Visitors**



**BAZAR** Raya Tanpa Tunai PrestoPay di Quill City Mall, Kuala Lumpur.

#### **Kuala Lumpur**

### Sasar 10,000 pengunjung hadir

PrestoPay, jenama dompet mudah alih di bawah PUC Berhad menasarkankan jualan sehingga RM1 juta dan kehadiran 10,000 pelanggan melalui penganjuran Bazar Raya Tanpa Tunai PrestoPay yang berlangsung dari 16 hingga 18 Mei lalu bertempat di Quill City Mall, Kuala Lumpur.

Bazar itu menawarkan lebih 200 unit simpanan stok (SKU) dengan pilihan produk yang meluas dan

merentasi pelbagai kategori dengan diskaun hingga 70 peratus bagi produk terpilih.

Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan PUC Berhad, Cheong Chia Chou berkata, penganjuran acara itu langkah syarikat bagi meningkatkan pendedahan dan memaparkan kemudahan disediakan melalui pembayaran tanpa tunai khususnya melalui kaedah dompet mudah alih.